

**Dilantik Menteri, Palanivel Harap Dapat Beri Lebih Banyak Kepada Komuniti India Bernama
Julai 30, 2011**

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk G. Palanivel berharap dapat menyumbang lebih banyak lagi kepada anggota parti dan masyarakat India amnya, menerusi pelantikan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata pelantikan itu telah lama ditunggu oleh komuniti India, memandangkan semasa era pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein terdapat dua menteri penuh mewakili kaum tersebut.

"Selepas bertahun-tahun lamanya, komuniti ini dapat semula apa yang mereka mahukan...kita harap pelantikan ini dapat menyumbang lebih banyak untuk komuniti ini," katanya pada sidang media semasa Perhimpunan Agung MIC ke-65, di sini hari Sabtu.

Menyifatkan pelantikan itu sebagai tindakan bersejarah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Palanivel berkata beliau terperanjat ketika mendengar pengumuman tersebut.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kita kerana membuat pengumuman ini di hadapan 4,000 perwakilan...ini detik yang sangat bersejarah," katanya.

Beliau juga yakin dapat menangani pelbagai isu yang dibangkitkan komuniti India sekarang.

Sementara itu, Naib Presiden MIC Datuk Dr S. Subramaniam berkata pelantikan Palanivel akan memberi platform yang lebih baik kepada MIC untuk bersuara dalam kerajaan.

Beliau juga menyifatkan pelantikan itu sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap 7.4 peratus rakyat berbangsa India di negara ini.

"Kami juga akan dapat menumpukan lebih perhatian kepada keperluan komuniti India secara lebih menyeluruh. Saya harap ini akan dapat bantu bangunkan masyarakat dan dapatkan balik sokongan masyarakat India," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605088>